



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL PERPADUAN MIRI
SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN
PERINGKAT NEGERI SARAWAK
TAHUN 2024**

22 JUN 2024 (SABTU)

10.00 PAGI

BAKAM POINT, MIRI, SARAWAK

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Warga JPNIN Miri, Sarawak atas kesudian menjadi tuan rumah bagi **Majlis Pelancaran Karnival Perpaduan Miri Sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2024.**
2. Karnival ini adalah platform terbaik untuk **menonjolkan perpaduan serta kesejahteraan hidup masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya di Malaysia.** Ini selari dengan tema sambutan iaitu **'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'** sekali gus mendidik masyarakat mendalami dan menghayati nilai perpaduan yang telah dikecapi sejak negara mencapai kemerdekaan.

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. **Sambutan Minggu Perpaduan** adalah salah satu program utama yang dirancang di bawah kluster **Semarak Perpaduan** dengan matlamat untuk **menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia.**
4. Program-program yang disusun lebih bersifat terkini memenuhi cita rasa semua lapisan masyarakat dalam usaha penyatupaduan masyarakat ke arah **membentuk identiti nasional dengan nilai kebersamaan dan semangat cintakan negara.**
5. Pada tahun ini, Kementerian turut mengambil langkah untuk menganjurkan siri **Jelajah Kembara Perpaduan** dengan menjadikan **Negeri Sabah sebagai lokasi pertama** jelajahnya bersama-sama dengan Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan. Seterusnya diikuti dengan **Negeri Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Negeri Terengganu, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.**

6. **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan telah dilaksanakan di Negeri Johor** dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Dalam ucapan perasmian, YAB Perdana Menteri menyeru **golongan muda agar mempertingkatkan dan mempertahankan perpaduan yang selama ini dinikmati oleh negara sekali gus menjadi generasi penerus yang bermakna untuk Malaysia.** YAB Perdana Menteri turut menekankan agar semua pihak berganding bahu dalam meningkatkan semangat perpaduan ke arah **kasih sayang dan saling hormat-menghormati** sesama insan.

7. **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan** telah dijayakan dengan pelaksanaan pelbagai program berimpak tinggi kepada komuniti setempat seperti:

- Jualan RAHMAH
- Pameran Perkampungan Rumah Panjang Masyarakat Iban
- Pameran Perkampungan Masyarakat Orang Asli
- 22 Rumah Etnik
- Pameran Malaysia Bertuah Tanah Berdaulat
- Pengurangan Kadar Kompaun Saman 50%
- FoodUnites & Foodtruck
- Malam Irama Sama-Sama Kita (Konsert Perpaduan)
- Pameran Kementerian dan Agensi
- Jualan produk ekonomi RT & usahawan SME

8. Melalui program sebegini, masyarakat pelbagai kaum dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat lagi khususnya berkaitan adat dan budaya pelbagai etnik di negara ini. SMP mampu menjadi **wadah perpaduan dan tapak integrasi baharu** yang berkesan sehingga ke peringkat akar umbi untuk memperkukuh sekali gus **mengeratkan hubungan masyarakat dalam usaha memelihara ekosistem perpaduan.**

9. Bagi menyambut baik seruan YAB Perdana Menteri iaitu **peringkat kementerian mesti menerobos sehingga ke peringkat akar umbi.** Siri jelajah **SMP 2024** diteruskan ke negeri-negeri lain yang dijadualkan sehingga **29 Julai 2024** yang akan melibatkan **Negeri Perlis dan Pahang.** Program di Miri ini juga adalah sebahagian siri jelajah SMP.

10. **Momentum kerjasama** perlu diteruskan di antara kita semua samada di peringkat nasional atau akar umbi sebagai satu pasukan dan saling melengkapi antara satu sama lain khususnya bagi menjayakan agenda perpaduan negara.

11. Saya berharap agar momentum kerjasama ini akan diteruskan lepas ini kepada **Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM)** yang akan bermula **Ogos sehingga September 2024**. Untuk makluman, Kementerian menerusi agensi dibawahnya turut merancang **16 program utama sempena HKHM** seperti:

- Konvoi Perpaduan dan Kenali Budaya Kita (JPNIN)
- Jejak Harmoni @ Miri (JPNIN)
- Majlis Memperingati Negarawan – Tunku Abdul Rahman (ANM)
- Konvensyen Sekretariat Rukun Negara (JPNIN)
- Malaysiaku Merdeka
- Bicara Merdeka Peringkat Kebangsaan (JPNIN)
- Kembara Merdeka Anak Malaysia (ANM)
- Kembara Ini Warisan Kita @ Beaufort (PNM)
- Karnival Membaca Perdana (PNM)
- Semarak Muzium Sungai Lembing (JMM)
- Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PNM)
- Program Bermalam di Muzium (JMM)
- Sambutan Anak Merdeka (ANM)
- Majlis Memperingati Negarawan- Tun Jugah (ANM)

- Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional (ANM)
- Kem Anak Malaysia (JPNIN)

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

12. **Keharmonian perlu dipelihara, dipupuk dan diterapkan dalam diri bermula daripada diri sendiri dan kemudian diwariskan kepada generasi seterusnya.** Kita semua perlu ingat, setiap daripada kita bertanggungjawab dan berperanan dalam menjaga keharmonian, kedaulatan, keamanan dan keselamatan negara yang dicintai.
13. Harapan saya juga agar program ini dapat terus memelihara keharmonian yang telah kita kecapai selama ini. **Sesungguhnya kepelbagaian inilah yang mengukuhkan jalinan perpaduan dan menjadikan Malaysia negara yang sangat unik dan istimewa di mata dunia.**

14. Akhir kata, saya dengan sukacitanya **merasmikan Karnival Perpaduan Miri Sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih